

**SKIM PERKHIDMATAN
JURURAWAT**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)

Gred	Jadual Gaji Minimum-Maksimum
Gred U29	: RM1311.58 - RM4508.20
Gred U32	: RM2214.00 - RM5178.91
Gred U36	: RM3454.82 - RM6369.36
Gred U41	: RM2259.08 - RM6909.25
Gred U42	: RM2259.08 - RM6909.25
Gred U44	: RM3422.66 - RM7268.66
Gred U48	: RM5007.64 - RM8356.59
Gred U52	: RM5641.31 - RM9108.00
Gred U54	: RM5941.64 - RM9717.04

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U29

- (c) Diploma Kejururawatan daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia;

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29 : RM1687.59)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U41

- (d) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia;

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41 : RM2259.08)

- dan (e) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- | | | |
|--|----------------------------|--|
| SYARAT
PANGKAT
LANTIKAN | KENAIKAN
SECARA | 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) memiliki kelayakan dalam perenggan 1 (c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan |
| PENETAPAN
PERMULAAN | GAJI | 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 dan Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan. |
| TEMPOH PERCUBAAN | | 4. Jururawat yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun. |
| LATIHAN | | 5. Jururawat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan. |
| PROGRAM
TRANFORMASI
PEPERIKSAAN | MINDA/ | 6. Jururawat dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| PENGESAHAN
PERKHIDMATAN | DALAM | 7. Jururawat yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| PERGERAKAN
TAHUNAN | GAJI | 8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |

- KENAIKAN PANGKAT 9.** Jururawat Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U32 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT 10.** Jururawat Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U36 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT 11.** (i) Jururawat Gred U29 atau U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U42 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (d) di atas;
 - (c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- (ii) Jururawat Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U42 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- KENAIKAN PANGKAT 12.** Jururawat Gred U41/U42 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U48** 13. Jururawat Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U52** 14. Jururawat Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U54** 15. Jururawat Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENGAJAR** 16. Jururawat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.